

TEKS UCAPAN

NAIB CANSELOR UniMAP

DI MAJLIS PERASMIAN EKSPLO REKACIPTA UniMAP

DEWAN SEKOLAH MENENGAH PUTRA KANGAR

TARIKH : 8 JANUARI 2011

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Selamat Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP, Guru-
guru dan Para peserta Ekspo Rekacipta

Wakil-Wakil Media. Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan
yang dihormati sekalian.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah
kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari yang
bersejarah buat kita semua di UniMAP ini dengan

berlangsungnya Ekspo Rekacipta UniMAP kali ke – 2 ini yang pasti akan terpahat dalam memori pendidikan tinggi tanahair. Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak sekretariat program ini kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran program kita pada hari ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

Walaupun masih di usia setahun jagung dalam dunia pendidikan tinggi di negara ini, kejayaan menganjurkan satu acara yang berprestij sebegini buat kali – 2 amatlah dibanggakan. Ekspo Rekacipta yang telah mendapat penyertaan yang amat menggalakkan dari kalangan penyelidik UniMAP dan saya difahamkan sebanyak 111 produk telah menyertai pameran ini berbanding tahun lepas kita mendapat penyertaan sebanyak 85 produk sahaja. Untuk pengetahuan para hadirin juga, pada tahun lepas(2008), UniMAP telah membuka penyertaan kepada para pelajar sekolah menengah negeri Perlis dan sebanyak 28 produk telah dihantar bagi menyertai pameran tersebut. Satu angka penyertaan yang amat membanggakan saya kira, dari sekolah-sekolah di negeri Perlis.

Namun, agak menyedihkan kerana pada kali ini sekolah-sekolah menengah di negeri Perlis tidak dapat menyertai kita seperti tahun lepas kerana kekangan masa untuk

menyiapkan projek bagi menyertai pameran ini. Kita faham dengan kesibukan tugas harian anda semua yang menjadi penghalang untuk turut sama menyertai pameran ini tapi saya berharap agar para pelajar akan mendapat idea apabila melawat pameran penyelidikan itu nanti sekaligus menjadikan penyelidikan UniMAP sebagai inspirasi bagi mereka memulakan projek penyelidikan mereka sendiri dan bersedia pada pameran penyelidikan UniMAP yang akan datang.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Penyelidikan sebenarnya memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan sesebuah negara untuk bergerak dengan lebih maju dan berdaya saing. Kita berhasrat agar penganjuran ekspo ini akan dapat memupuk minat serta melahirkan lebih ramai penyelidik-penyelidik muda yang berpotensi di dalam bidang penyelidikan dan mampu meraih pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa sekaligus mengharumkan nama negara Malaysia amnya dan UniMAP khususnya.

Disini, saya ingin berkongsi kejayaan penyelidik UniMAP yang telah meraih banyak anugerah di pelbagai peringkat dan saya kira kejayaan ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kemajuan negara dan meletakkan negara kearah negara maju seperti yang telah diwar-warkan oleh Perdana Menteri kita selama ini. Kerana kejayaan yang diraih oleh produk-produk

ini, maka UniMAP telah memutuskan untuk memilih 7 produk untuk dipatenkan dan saya yakin produk ini akan memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya.

**Senarai Produk Penyelidikan Proses Untuk Pendaftaran
"Patent Drafting" 2008**

1	<p>Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr Kamarudin Hussin</p> <p><i>Prof Dr Shamsul Baharin Jamaludin Prof Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali Dr Khairul Nizar Ismail Mohd Sobri Idris Mohd Nazry Salleh</i></p>	KUKUM Artificial Marble
2	<p>Ragunathan A/L Santiago</p> <p><i>Dr. Ir. Salman Hissiensyah Azlinda Abdul Ghani Prof.Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali Roshasmawi Abdul Wahab</i></p>	Method of Making Recycle-able High Strength Composites for Partion Walls & Floor Pavement.
3	<p>Prof. Dr. Uda Hashim</p> <p><i>Mohammad Nuzaihan Md Nor, Nur Hamidah Abdul Halim</i></p>	Silicon Nanowires

4	<p>Suhardy Daud</p> <p><i>Prof Dr Shamsul Baharin Jamaludin Prof Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali Mohd Nazry Salleh Farizul Hafiz Kassim Saiful Azhar Saad Tengku Nadzlan Tengku Ibrahim Wan Su Haron</i></p>	<p>Kayan 1: A Particle Board From Rice Husk</p>
5	<p>Mohd Ichwan Nasution</p> <p><i>Prof Dr. Shamsul Baharin Jamaludin Prof Madya Che Mohd Ruzaidi Ghazali Faizul Che Pa Chek Idrus Omar</i></p>	<p>Clay Filled Aluminum Product</p>
6.	<p>Soh Ping Jack</p> <p><i>Arzemi Abdullah Al-Hadi Mohd Ezanuddin Abdul Aziz Mohamad Ezral Baharudin Prof Madya Dr R.Badlishah R.Ahmad</i></p>	<p>The Design Of Dielectric Loaded Helical Antenna For Local Area Network (WLAN) Applications</p>
7	<p>Azremi Abdullah Al-Hadi</p> <p><i>Soh Ping Jack Prof Madya Dr R. Badlishah Ahmad Suhaizal Abu Hassan Mohamad Ezral Baharudin</i></p>	<p>A Compact Planar And Highly Efficient Antenna For WLAN Applications</p>

<i>CS Por</i> <i>Saidatul Norylyana</i> <i>Azemi</i> <i>Nurul Husna bt Mohd</i> <i>Rais</i>	
---	--

Setelah kita menyoroti kejayaan ini, ingin saya membawa anda semua untuk berfikir sejenak, bagaimana kejayaan ini diperolehi. Sebenarnya, semua kejayaan yang dicapai adalah bermula daripada pameran-pameran seumpama ini. Seperti kanak-kanak yang baru belajar, semuanya bermula dari bertatih sebelum berlari. Begitu jugalah dengan kejayaan yang diraih oleh penyelidik-penyelidik UniMAP. Mereka mencipta produk, kemudian menyertai pameran-pameran yang dianjurkan dan dengan hasil usaha itu, maka kejayaan pun diperolehi.

Itulah sebabnya mengapa program ini amat istimewa, kerana program ini akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah untuk menimba ilmu bersama-sama penyelidik yang terdiri daripada pensyarah universiti. Ini akan memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai strategi kearah penyelidikan dan rekacipta produk penyelidik yang berkualiti tinggi. Melalui ekspo ini juga, pelajar-pelajar dapat didedahkan mengenai kepentingan penyelidikan rekacipta, diajar dengan ilmu-ilmu serta penemuan-penemuan baru yang sangat bermanfaat kepada individu serta masyarakat umumnya. Selain itu, kita juga mahu mencungkil bakat-bakat serta kepakaran yang ada di kalangan pelajar.

Di kesempatan ini saya amat berharap pertandingan rekacipta ini akan terus menjadi pemangkin kepada kegiatan penyelidikan di peringkat universiti dan sekolah di masa-masa akan datang. Adalah menjadi hasrat dan cita-cita saya untuk melihat generasi muda yang dikasihi sekalian untuk terus menghargai dan mencintai bidang penyelidikan untuk pembangunan negara kita. Akhir kata, semoga kejayaan penganjuran pameran ini akan berterusan dan mendapat sokongan pelbagai pihak agar kita dapat bersama-sama menyemarakkan lagi penganjuran program seumpama ini di masa-masa akan datang demi menyokong hasrat untuk menjadikan Perlis sebagai negeri ilmu.

Saya ingin mengucapkan jutaan tahniah dan syabas sekali lagi kepada pihak penganjur yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran program kita ini. Saya juga ingin mengucapkan selamat bertanding kepada semua yang mengambil bahagian pada hari ini.

Sekian. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih.